

22 APR 1999

MAHATHIR-EKONOMI

KRISIS PALING TERUK SUDAH BERAKHIR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keadaan yang paling buruk telah berakhir bagi ekonomi Malaysia dan semua petunjuk ekonomi mengarah kepada pemulihan.

Beliau memberitahu pemberita selepas membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-Tujuh (RMT) Parlimen hari ini bahawa ekonomi telah keluar dari dasarnya dan "kita berada di peringkat pemulihan."

Pemulihan ini dicerminkan dalam petunjuk-petunjuk seperti simpanan yang lebih tinggi, peningkatan indeks pasaran saham dan berkurangnya insiden cek tendang, katanya

Dr Mahathir juga berkata ramalan pertumbuhan 1.0 peratus bagi 1999 dan 5.0 peratus bagi 2000 boleh dicapai.

Tetapi, beliau memberi amaran bahawa pertumbuhan juga bergantung kepada ekonomi dunia.

Buat masa ini, katanya ekonomi dunia tidak tumbuh begitu pantas sementara sistem kewangan antarabangsa tidak membantu pertumbuhan.

Tetapi, katanya Malaysia boleh menguruskan krisis ini, mungkin yang paling meruncing yang dihadapi setakat ini.

Mengenai perubahan sentimen firma-firma penyelidikan asing dan agensi penarafan terhadap ekonomi Malaysia, beliau berkata: "Saya tidak mahu berkata mereka mempunyai kepentingan. Mereka harus mengakui bahawa keadaan di sini semakin baik kerana mereka mengkhianati diri sendiri jika mereka terus berkata tidak, tidak, tidak (kepada Malaysia)."

Dr Mahathir berkata ekonomi Malaysia berjalan dengan baik dan penarafan agensi-agensi penarafan "kadang-kala tidak mencerminkan situasi sebenar."

Bagaimanapun, katanya dana-dana pelaburan telah memilih untuk tidak mempedulikan penarafan-penarafan itu.

Beliau berkata sementara ada pihak yang masih berpandangan negatif terhadap Malaysia, secara keseluruhannya, orang ramai mula mengakui bahawa Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah yang betul.

"Orang ramai mengakui bahawa apa yang kita telah buat adalah betul dan tanda-tanda dan petunjuk-petunjuk menunjukkan bahawa kita telah membuat perkara yang betul," tambahnya.

Mengenai tambahan RM22 bilion yang diperlukan untuk membiayai program pembangunan RMT, beliau berkata pembiayaan datang daripada sumber-sumber dalam dan luar negara.

Beliau berkata Malaysia akan mengadakan pameran bergerak di luar negeri dalam usahanya untuk mengumpul dana dari pasaran-pasaran antarabangsa. Telah dilaporkan sebelum ini bahawa kerajaan mahu mengumpul RM8 bilion menerusi terbitan bon.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak menjangkakan masalah dalam membiayai RMT kerana "kita mempunyai sumber-sumber yang mencukupi."

Mengenai penilaian kedudukan negara apabila cuba untuk mendapatkan dana dari asing, beliau berkata ini bergantung kepada kesediaan para peminjam asing untuk melanggan bon yang diterbitkan.

Apabila ditanya mengenai ulasan para pegawai perbendaharaan Amerika Syarikat mengenai perubahan sistem kewangan antarabangsa, beliau berkata mereka pada akhirnya telah menerima pandangan yang dibuat oleh Malaysia sejak 1997.

Beliau berkata penerimaan mereka itu menunjukkan bahawa Malaysia betul sejak dari dulu.

"Keperluan perubahan adalah penting kerana tujuan sistem kewangan

antarabangsa bukannya untuk membenarkan orang tidak bertanggungjawab memiskinkan negara dan menyebabkan orang ramai hilang pekerjaan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia akan menyertai rundingan mengenai perubahan sistem kewangan antarabangsa, jika tiada orang lain akan merangka peraturan untuk faedah mereka sendiri.

Mengenai isu Central Limit Order Book (CLOB), beliau berkata Bursa Saham Kuala Lumpur dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara sedang mengkajinya.

Beliau berkata mereka harap isu itu dapat diuruskan tanpa menggugat pasaran saham dan hampir mendapatkan penyelesaian. -- BERNAMA

SHO JR OS